

Headline	Tiga sekawan berniaga burung puyuh		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V57	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	522 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,994
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,981



Tiga sekawan berniaga burung puyuh

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Walaupun berdepan persaingan sengit dalam pasaran, Mohd Nurhanies Farissa Irwan Muhammad, 24, terus cekat mengusahakan perniagaan burung puyuh di Machang, Kelantan, sejak hampir dua bulan lalu.

Beliau yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), menerjuni bisnes itu bersama dua rakannya, Adib Hilmi Abd Aziz dan Ahmad Syahidan Norhisham.

Berbekalkan modal RM2,000 yang dikumpul bersama, mereka membina reban dan membeli 600 ekor burung puyuh sebagai

langkah permulaan.

Melalui perniagaan berkenaan, tiga sekawan itu menjual burung puyuh hidup dan daging untuk pasaran di sekitar Machang serta daerah luar.

Permintaan tinggi

"Saya menceburi bisnes ini bukan sahaja kerana minat dan memiliki latar belakang pengajian bidang berkaitan tetapi juga berkaitan produk itu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengusaha, pembekal serta orang ramai.

"Produk ini dipasarkan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga pasar tani, kedai sejuk beku dan secara langsung dari rumah ke rumah," katanya.

Mohd Nurhanies Farissa Irwan mengaku bisnes dijalankan mempunyai cabaran tersendiri dari aspek promo-

Fakta nombor

Bisnes burung puyuh Mohd Nurhanies Farissa Irwan bersama rakan kongsi

RM20-RM25

SEKILO
harga jualan

3 JENIS
gred (A, B dan C)

500 EKOR
dijual sebulan

usahawanmuda



Perniagaan burung puyuh yang dijalankan Mohd Nurhanies Farissa Irwan bersama rakan kongsi di Machang.



si dan pemasaran kerana menghadapi persaingan sengit daripada peniaga sedia ada.

Sehubungan itu, beliau dan rakan kongsi giat mem-

perluaskan jaringan kerjasama dengan pengusaha, pembekal dan pembeli individu bagi memastikan perniagaan mereka terus berdaya saing.

Mohd Nurhanies Farissa Irwan di depan reban burung puyuh yang ditenak.